



**KETUA PENGARAH  
Unit Pemodenan Tadbiran Dan  
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri**

Aras 6, Blok B2  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 3163  
Portal Rasmi : www.mampu.gov.my  
Email : drmazlan@mampu.gov.my

Rujukan: MAMPU.600-4/4/1 JLD. 5 (54)

Tarikh: 27 Februari 2017

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### PELAWAAN PENCALONAN BAGI ANUGERAH INOVASI PERDANA MENTERI (AIPM) 2017

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, **Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM)** merupakan pengiktirafan terunggul sektor awam bagi menghargai penghasilan inovasi berimpak tinggi yang menyumbang kepada kepentingan rakyat dan negara. Pengiktirafan berprestij ini yang membawa hadiah wang tunai berjumlah **RM1 juta, trofi dan sijil** merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk meneruskan pecutan produktiviti ke arah pencapaian visi negara maju berpendapatan tinggi dan transformasi nasional yang menyeluruh.

3. Dalam hal ini, AIPM mengiktiraf **agensi sektor awam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)** atas kejayaan penghasilan inovasi yang mencapai skala dan magnitud yang signifikan di peringkat negara. Bagi memastikan proses penilaian yang telus dan teliti, mekanisme penilaian AIPM melibatkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Pemilihan dengan keahlian merentasi sektor awam, swasta, akademik dan NGO. Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab mengesyorkan calon-calon senarai pendek kepada Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara. Perakuan penerima AIPM akhirnya diangkat untuk pertimbangan YAB Perdana Menteri.

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI




4. Selaras dengan pengisytiharan tahun 2017 sebagai Tahun Penyampaian Perkhidmatan (*Year of Delivery*) oleh YAB Perdana Menteri, maka pencarian penerima AIPM kini diteruskan lagi dengan tumpuan kepada inovasi yang berpaksikan kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan sukacitanya mempelawa pihak YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengemukakan inisiatif inovasi mega yang berpotensi untuk mencipta legasi sebagai penerima AIPM 2017.

5. Bagi meneruskan kelestarian AIPM, penilaian pada tahun ini mengekalkan empat (4) kriteria utama iaitu **Kreativiti, Keberkesanan, Relevan dan Signifikan** serta empat (4) prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu **impak positif yang tinggi, kos yang minimum, pelaksanaan pantas dan perubahan yang mampan.**

6. Bersama-sama ini disertakan sesalinan brosur yang mengandungi maklumat lanjut berhubung kriteria penilaian dan proses pencalonan AIPM 2017. Mulai tahun ini juga, pencalonan AIPM perlu dikemukakan secara dalam talian ([aipm.mampu.gov.my](http://aipm.mampu.gov.my)) **selewat-lewatnya pada 31 Mac 2017 (Jumaat).**

7. Sesungguhnya atas perhatian YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.



MALAYSIA #**sehat**isejiwa

**“BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. MAZLAN YUSOFF)